

JURNAL AKADEMIK

**Towards Academic Excellence
Through Performance Appraisal**

MARY MAGDALINE PEREIRA

**An Evaluation Of The Materials Used For
The Teaching Of English In Mara Institut
Of Technology, Sarawak**

RAZLAN ABDULLAH
MARIAH ABDULLAH

**The Use Of Linear Discriminant Function
In Profitability Analysis Of The SMIS**

YAP YIN
CHAN SOON HUAT

**Creative Accounting - An Insight Into
The Nature And Extent Of Manipulating
Corporate Profits**

ALLAN CHANG AIK LENG

**25 Years Of Asean Economic Cooperation:
A Critical Overview**

NICHOLAS AMIN

**Membuat Keputusan Secara Statistik
Dalam Keadaan Ketidakpastian Dengan
Menggunakan Kebarangkalian Awal**

CHONG LENG FOOK
BADRON HJ. ABDUL MANAF

Jenayah Dan Hukuman Dalam Islam

MOHD ADIB SHUJAA BIN AHMAD

**Koperasi Dari Perspektif Islam
Satu Pendedahan Awal**

BASRI ABD. GHANI

ISSN 0128-2635



INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK

JURNAL AKADEMIK

RENCANA

Towards Academic Excellence Through Performance Appraisal	MARY MAGDALINE PEREIRA	1
An Evaluation Of The Materials Used For The Teaching Of English In Mara Institut Of Technology, Sarawak	RAZLAN ABDULLAH MARIAH ABDULLAH	7
The Use Of Linear Discriminant Function In Profitability Analysis Of The SMIS	YAP YIN CHAN SOON HUAT	13
Creative Accounting - An Insight Into The Nature And Extent Of Manipulating Corporate Profits	ALLAN CHANG AIK LENG	25
25 Years Of Asean Economic Cooperation: A Critical Overview	NICHOLAS AMIN	33
Membuat Keputusan Secara Statistik Dalam Keadaan Ketidakpastian Dengan Menggunakan Kebarangkalian Awal	CHONG LENG FOOK BADRON HJ. ABDUL MANAF	46
Jenayah Dan Hukuman Dalam Islam	MOHD ADIB SHUJAA BIN AHMAD	52
Koperasi Dari Perspektif Islam Satu Pendedahan Awal	BASRI ABD. GHANI	60

KOPERASI DARI PERSPEKTIF ISLAM

SATU PENDEDAHAN AWAL

Oleh

Basri Abd. Ghani

1. PENGENALAN

Koperasi merupakan "suatu fahaman di mana penganutnya bergiat menguruskan pengeluaran, pemasaran atau simpanan serta pinjaman dan sebagainya dengan tujuan menolong antara satu sama lain tanpa mencari untung perseorangan." Begitulah definisi koperasi yang telah dikemukakan oleh Professor Di Raja Ungku Aziz, seorang tokoh koperasi moden.

Koperasi moden dan koperasi dari perspektif Islam, mempunyai banyak persamaan dari segi konsepnya. Namun begitu, dari segi pengendaliannya, terdapat beberapa ciri yang mana jelas kelihatan perbezaan antara keduanya.

Makalah ini bertujuan untuk memberi suatu pendedahan tentang koperasi dari perspektif Islam semoga ia dapat dijadikan rujukan ringan kepada sesiapa yang memerlukannya. Ini penting kerana, di kalangan umat Islam, harus wujud individu yang bersedia memimpin ummah dalam menghadapi kemungkaran ekonomi ciptaan manusia yang berteraskan keghairahan nafsu dan kepentingan diri.

2. MATLAMAT TERTINGGI

Penglibatan secara bersama dalam bidang ekonomi dengan tujuan mardhatillah (keredhaan Allah s.w.t.)

3. RANGKADASAR KOPERASI MENURUT ISLAM

- 3.1 Koperasi merupakan satu bidang ekonomi kerana ia melibatkan kegiatan menguruskan sumber-sumber pengeluaran, iaitu manusia, tanah, modal dan usahawan.
- 3.2 Ia ditubuhkan untuk memenuhi keperluan sosial dan juga ekonomi. Oleh itu koperasi merupakan sebuah institusi sosio-ekonomi.
- 3.3 Akauntabilitinya ke atas penggunaan sumber-sumber pengeluaran diserahkan kepada Allah s.w.t. sebagai pemilik mutlak.
- 3.4 Matlamat yang ingin dicapai adalah untuk kepentingan individu, masyarakat dan negara tanpa bercanggah dengan kaedah dan cara.

3.5 Dasar yang termaktub untuk mencapai matlamat :

3.5.1 Pertumbuhan ekonomi iaitu pertumbuhan sebenar dalam pengeluaran atau pendapatan negara.

3.5.2 Agihan pendapatan yang lebih merata supaya tidak wujud jurang pendapatan yang luas dan ketara.

4. POLISI DAN KAEDAH KOPERASI

4.1 Wakalah dan wadi'ah

Ahli-ahli koperasi mestilah bersetuju melantik sebuah lembaga yang diberi kuasa untuk melaksanakan sesuatu tugas. Ahli-ahli adalah pihak yang melantik, manakala lembaga sebagai wakil yang menjalankan tugas bagi pihak ahli-ahli.

Disamping konsep Wakalah, koperasi memerlukan suatu sistem Wadi'ah untuk membolehkannya beroperasi secara Islam. Wang atau harta yang diterima dianggap Wadi'ah selama harta itu berada di tangan wakil (koperasi) dan wakil boleh mengambil upah atas khidmat pelaksanaan kerja atau tugasnya. Upahan ini dianggap sebagai menfaat yang boleh diambil.

Surah al-Anfal ayat 27 bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Muhammad) dan juga janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepadamu, sedangkan kamu mengetahuinya.”

4.2 Akad, Saksi dan Waris

Oleh kerana jual-beli lahir daripada redha meredhai, 'akad (ijab dan qabul) diperlukan. Penjual (koperasi) akan berijab dan pembeli akan berqabul di atas barang kepunyaan penjual sendiri atau wakilnya yang diketahui mutunya dan sebutan harga barangan semasa 'akad.

Selain jual-beli, koperatif juga terlibat dalam aspek pinjam meminjam tanpa riba (sistem Qardul Hasan). Aktiviti pinjam meminjam memerlukan saksi dan penjamin. Saksi mestilah bersyarat iaitu 'akil baligh, waras dan beragama Islam.

Waris yang berhak adalah:

- a. Orang yang diwarisi.
- b. Orang yang menjadi waris, secara pernikahan atau hubungan kekerabatan.

4.3 Pelaburan

4.3.1 Murabahah

Pelaburan jenis ini mendapat hasil melalui konsep jualan dengan tambahan untung. Di sini pihak pemilik barangan (koperasi) membuat perjanjian jual-beli dengan pembeli (ahli koperasi). Firman Allah s.w.t. dalam Surah An-Nisa' ayat 29 bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (batil) kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan dengan saling menyukai di antara kamu”.

4.3.2. Mudharabah

Pelaburan ini pula bermaksud mendapat hasil melalui konsep perkongsian untung. Dalam pelaburan ini, pemilik modal (koperasi) bersetuju membiayai sepenuhnya sesuatu projek perniagaan atau pelaburan yang akan dijalankan oleh seseorang pengusaha yang bersetuju untuk berkongsi untung.

4.4 Hutang dan Pinjaman

Kewajipan ini timbul daripada kesedaran akan betapa besarnya faedah memberi hutang kepada yang benar-benar berhajatkan pertolongan. Konsep koperasi adalah memberi hutang tanpa riba’.

4.5 Jual-beli

Kegiatan yang melibatkan pertukaran barang (termasuk juga perkhidmatan) yang dinilai dengan wang disebut jual-beli. Di samping jual-beli yang sah, sempurna rukun dan syaratnya tanpa melibatkan perkara-perkara yang ditegah oleh syarak. Di antara jenis jual-beli yang dilakukan oleh masyarakat koperatif ialah :

4.5.1 Sewa-beli / belian ansuran

4.5.2 Jual saham

4.5.3 Upah mengupah dan sewa menyewa

4.5.4 Gadaian

5. PENGENDALIAN GERAK-KERJA KOPERASI

Koperasi merupakan satu kesatuan yang bersistem. Apabila berlaku perubahan yang bermakna di satu bahagian, bahagian yang lain juga akan terjejas. Lantaran itu, setiap tenaga yang mengendalikan koperasi harus bekerja sebagai suatu kesatuan (jemaah), yang bermula dari unit-unit yang kecil sehingga ke unit-unit yang besar.

Polisi umum koperasi dapat digariskan kepada 4 rangkakerja :

5.1 Dasar

- 5.1.1 Pensyarikatan dalam gerak-koperasi.
- 5.1.2 Keselarasan matlamat dan cara.
- 5.1.3 Pembangunan keusahawanan.

5.2 Langkah

- 5.2.1 Mewujudkan semangat syura dalam proses membuat keputusan.
- 5.2.2 Mengamalkan sistem perakaunan yang bertanggungjawab.
- 5.2.3 Mengamalkan etika kerja Islam.
- 5.2.4 Mengadakan sistem kawalan ke atas mutu dan gerak-kerja.

5.3 Proses

- 5.3.1 Menyediakan suasana kerja yang dapat mencerminkan perspektif yang sebenarnya.
- 5.3.2 Mengkaji semula penafsiran undang-undang bagi memenuhi kehendak dan perubahan.
- 5.3.3 Mengenalpasti prospek yang lebih baik untuk mengukuhkan semangat korporat.
- 5.3.4 Mengendali prosedur yang seimbang dan berkesan.
- 5.3.4 Menghayati nilai dan sikap yang membina.

5.4 Hasil

- 5.4.1 Pentadbiran yang bertanggungjawab dan berinovasi.
- 5.4.2 Daya keluaran yang bermutu tinggi dan ekonomik.
- 5.4.3 Tahap profesionalisme yang berkewibawaan.

Rangkakerja di atas menjadi garis panduan bagi setiap unit di dalam koperasi. Beberapa sistem koperasi dirangka bagi mewujudkan langkah-langkah berkoperasi yang berkesan. Koperasi menerima dua pengaruh yang mempengaruhi pengendaliannya iaitu pihak komuniti (ahli-ahli dan masyarakat koperasi) dan pihak koperasi sendiri (jentera organisasi).

6. CARUMAN DARIPADA AHLI

Setiap ahli yang mendaftar bersetuju untuk membayar agihan caruman seperti berikut :

6.1 Bayaran Tetap (wajib)

- a. Caruman saham (diterjemah sebagai Modal Saham Ahli).
- b. Perbelanjaan pentadbiran (dimasukkan ke akaun untung-rugi)
- c. Simpanan am (simpanan ahli)

6.2 Bayaran Pilihan (galakan)

- a. Tabung kebajikan (pelbagai Kumpulan Wang)
- b. Simpanan khas

7. STRUKTUR UMUM KOPERASI

Koperasi boleh juga disamaertikan dengan syarikat kerjasama yang berperanan sebagai sebuah institusi sosial dan ekonomi sekaligus. Seperti yang telah dijelaskan, koperasi adalah sebuah organisasi perniagaan untuk memajukan taraf sosio-ekonomi ahli-ahlinya.

7.1 Pentadbiran

Tugas pentadbiran meliputi suatu spektrum kerja yang begitu meluas seperti menguruskan mesyuarat agong, keahlian, mesyuarat lembaga dan hubungan birokrasi.

7.2 Perakaunan

Bahagian ini bertanggungjawab ke atas segala hal-ehwal kewangan koperasi. Segala butiran kewangan seperti terimaan, bayaran, tunai, jualan, belian, modal dan sebagainya akan diproses dan diterjemahkan sebagai maklumat kepada lembaga pengarah dan ahli-ahli.

Jika pegawai tadbir menguruskan soal pentadbiran maka pegawai akaun menguruskan soal kewangan, pengurusan aliran tunai, mengira kos, menyusun belanjawan dan pengumpulan kredit.

8. JAWANTANKUASA KEWANGAN

Ita ditubuhkan untuk membuat pengawasan ke atas perkara-perkara berikut :

- 8.1 Memastikan prinsip perakaunan diikuti secara berterusan oleh bahagian akaun (audit dalam). Ini termasuk laporan-laporan kewangan dibuat secara yang mudah difahami dan betul serta mengikut undang-undang syarikat. Mereka juga mesti memastikan semua buku-buku akaun disimpan dengan teratur.
- 8.2 Mengawas polisi-polisi koperasi yang berhubung dengan pembelian, kewangan, urusaniaga dan sebagainya. Mereka dikehendaki membuat laporan prestasi kepada lembaga koperasi.

- 8.3 Mencegah sebarang bentuk penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang berhubung dengan kewangan supaya prinsip-prinsip koperasi dapat ditegakkan.
- 8.4 Mengemukakan cadangan-cadangan bagi mengukuhkan kewangan koperasi dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa kewangan patut dipanggil pada hari Imbangan Duga iaitu hari yang terakhir baki tahun pemiagaan atau mesyuarat terakhir kewangan koperasi. Pada hari imbangan, kerja perimbangan dan penutupan akaun-akuan, pengiraan stok akhir, akaun penamat dan penyata kunci kira-kira akan disediakan.

9. JAWATANKUASA PUBLISITI

Jentera koperasi diperkuat melalui jamaah (melalui jumlah ahli yang ramai) dan kegiatan-kegiatan yang dapat mempertingkatkan keyakinan dan kesetiaan ahli. Selain kegiatan-kegiatan sosio-ekonomi, pihak koperasi membentuk jawatankuasa publisiti bertujuan untuk memberikan penerangan mengenai matlamat, program dan rancangan perspektifnya. Strategi publisiti ini biasanya disusun seperti berikut :

- 9.1 Publisiti dalaman bertujuan untuk menyebarkan kepada ahli-ahli maklumat-maklumat terkini tentang perkembangan koperasi, arahan-arahan semasa, laporan-laporan penting dan sebagainya. Strategi ini dilakukan melalui terbitan taklimat dan program khidmat nasihat.
- 9.2 Publisiti luaran bertujuan untuk menarik ahli-ahli baru.

10. JAWATANKUASA SYARIAH

Jawatankuasa ini tidak bertanggungjawab kepada mana-mana bahagian koperasi tetapi diwujudkan untuk mengawasi serta memberi khidmat-nasihat kepada Lembaga Pengarah Koperasi berhubung dengan perlaksanaan hukum-hukum syarak dalam operasinya. Selain mengadakan mesyuarat dengan jawatankuasa syariah, semua ahli syariah perlu menghadiri setiap Mesyuarat Lembaga. Meskipun begitu, ahli syariah tidak boleh mengundi kecuali setelah menjadi ahli.

Fungsi ahli jawatankuasa ini adalah seperti berikut :

- 10.1 Fungsi Khidmat Nasihat : Fungsi ini dijalankan dalam sesi Mesyuarat Jawatankuasa yang dihadiri oleh Lembaga Pengarah. Masalah semasa yang menyentuh hukum syarak dibangkitkan.

- 10.2 Fungsi Pengawasan : Fungsi ini dijalankan dalam semua sesi perkhidmatan koperasi dari peringkat mesyuarat hinggalah ke peringkat reformasi, jika perlu, mengikut had-had bersyariat.

11. PENUTUP

Firman Allah S.W.T. di dalam Surah al-Baqarah ayat 275-280 yang bermaksud:

“Orang-orang yang makan (mengambil) riba’ tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan rasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu adalah disebabkan mereka berkata (berpendapat) , sesungguhnya jual-beli itu sama dengan riba’, padahal Allah telah menghalalkan jual-beli dan mengharamkan riba’. Orang-orang yang telah sampai kepada larangan Tuhannya, lalu terus berhenti (dari mengambil riba’), maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum datang larangan) dan urusannya terserah kepada Allah. Orang yang kembali (mengambil riba’), maka orang itu adalah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya.

Allah memusnahkan riba’ dan menyuburkan sedekah. Dan Allah tidak menyukai setiap orang yang tetap dalam kekafiran dan selalu berbuat dosa.

Sesungguhnya orang-orang yang beriman, mengerjakan amal soleh, mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat, mereka mendapat pahala di sisi Tuhannya. Tidak ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak pula mereka bersedih hati.

Hai orang-orang beriman, bertakwalah kepada Allah dan tinggallah sisa-sisa riba’ (yang belum diambil) jika kamu orang-orang yang beriman.

Maka jika kamu tidak mengerjakan (meninggalkan sisa riba’), maka ketahuilah, bahawa Allah dan Rasul-Nya akan memerangimu. Dan jika kamu bertaubat (dari pengambilan riba’) maka bagi kamu pokok hartamu, kamu tidak menganiaya dan tidak pula dianiaya.

Dan jika (orang berhutang itu) dalam kesukaran, maka berilah tangguh sampai dia berkelapangan. Dan menyedekahkan (sebahagian atau semua), itu lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui.”

Rujukan

Al-Quran dan Terjemahnya.

Al-Hadis

Akta Koperasi 1948 (diterjemah) oleh Jabatan Pembangunan Koperasi.

Laporan Tahunan 88/89 Koperasi AL HILAL Berhad.

Mahsin Hj. Mansor, *Konsep Syariah Dalam Bank Islam*, BIMB 1983.

Muhammad Nur Anuar, *Koperasi Islam*, GG Edar, K.L., Feb. 1990.

Prof. Diraja Ungku Aziz, Koperasi.

Rujukan Kes : - Koperasi Belia Islam (KBI)
- Koperasi Muslimin
- Koperasi AL HILAL (KOHILAL)

Sobri Salamon. *Bank Islam*, PUM, 1984.

Syed Abdullah Syed Abu Bakar, *Pengurusan Koperasi* (Jld 3) ANGKASA, 1988.

Yep Putih, *Kaji kewangan Perniagaan Anda*, DBP., 1984.

W.M.Chik, *Bagaimana Mengendalikan Koperasi*, Marwilis Publisher and Distributors. Shah Alam, 1990.